

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (4)
Tarikh : 22 Mac 2016

**Ketua Pengarang
The Star**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR SUNDAY STAR BERTAJUK "STILL STATELESS
DESPITE THE SACRIFICES" BERTARIKH 20 MAC 2016, AHAD – M.S: 3
(NATION)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Timbalan Presiden SPDP, Datuk Nelson Balang Rining berkaitan 'Border Scouts' yang masih berstatus bukan warganegara.
3. Hasil semakan rekod Jabatan mendapati tiga (3) daripada penama yang disiarkan merupakan pemegang dokumen MyPr yang berstatus Penduduk Tetap sejak tahun 2013. Ingin dimaklumkan jua, mereka tidak pernah mengemukakan sebarang permohonan kewarganegaraan memandangkan tempoh syarat kelayakan permohonan warganegara belum dipenuhi.
4. Sehubungan dengan itu, ingin diterangkan syarat permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 19(1) dan 19(2) Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut :
 - 4.1 Pemohon hendaklah hadir di hadapan Pendaftar Warganegara semasa mengemukakan permohonan.
 - 4.2 Pemohon hendaklah berumur 21 tahun ke atas pada tarikh permohonan dikemukakan.
 - 4.3 Pemohon telah bermastautin dalam Persekutuan selama tempoh kesemuanya tidak kurang daripada 10 tahun dalam 12 tahun termasuk 12 bulan terdahulu pada tarikh permohonan dikemukakan.
 - 4.4 Pemohon berniat untuk bermastautin dalam Persekutuan selama-lamanya.
 - 4.5 Pemohon berkelakuan baik.
 - 4.6 Pemohon mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang memadai.

- 4.7 Pemohon hendaklah ditaja oleh dua orang penyokong bertaraf warganegara berumur 21 tahun ke atas, tiada talian persaudaraan, bukan orang yang diupah atau peguambela atau peguamcara dengan pemohon.
- 4.8 Mengisi Borang C dengan lengkap dan sertakan salinan dokumen yang perlu dibawa bersama.

5. Namun demikian, memenuhi syarat permohonan bukanlah bermakna permohonan tersebut akan diluluskan kerana ianya hanyalah melayakkan permohonan dikemukakan dan sebarang keputusan tertakluk kepada kerajaan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Dato' Sri KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)